



UCAPAN

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

**LAPORAN LAKSANA KE-10
PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI
PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN) & PELAN JANA SEMUA
EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

23 JUN 2020



PENGENALAN

1. Assalamualaikum WBT dan Salam hormat. Terima kasih kerana bersama saya dalam Laporan Laksana Ke-10 ini. Sesungguhnya, Laporan Laksana merupakan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan status pencapaian Pakej PRIHATIN dan juga PENJANA, kedua-duanya berjumlah RM295 bilion, dibuat dengan telus dan terbuka. Selain itu, Laporan Laksana ini juga membolehkan Kerajaan menyampaikan peringatan dan memberi maklumbalas kepada isu-isu berbangkit.
2. *Without a doubt, the Government is committed to ensuring that progress of all the economic stimulus packages is reported in a timely and transparent manner. This Laksana report also enables us to share reminders and to respond to issues raised by the public.*
3. Pada minggu lalu, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, telah mengadakan lawatan kerja ke Unit LAKSANA di Kementerian Kewangan untuk sesi taklimat serta melancarkan Papan Pemuka Digital atau *Digital Dashboard* Laksana.
 - a. *Digital Dashboard* tersebut amat unik kerana menghubungkan data daripada 53 Kementerian serta agensi berkaitan yang terlibat dengan pelaksanaan Pakej PRIHATIN dan PENJANA. Kerajaan berharap pendekatan berdasarkan data, atau *data-driven approach* ini akan

memastikan pemantauan yang lebih berkesan serta intervensi yang lebih pantas bagi memastikan beban rakyat, pekerja dan perniagaan dapat diatasi. Ini juga selaras dengan usaha Kerajaan ke arah digitalisasi perkhidmatan dalam era Revolusi Industri 4.0.

- b. YAB Perdana Menteri juga berkesempatan mengadakan sesi persidangan video bersama penerima-penerima bantuan Pakej PRIHATIN. Izinkan saya berkongsi video ringkas seperti berikut.
- c. Terima kasih YAB Perdana Menteri di atas sokongan berterusan.

Saudara dan saudari,

- 4. Seterusnya, saya ingin menyentuh 3 perkara:
 - a. Pertama, pencapaian terkini Pakej PRIHATIN;
 - b. Kedua, status PENJANA; dan
 - c. Ketiga, ulasan semasa mengenai ekonomi.

PRIHATIN MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT

- 5. Kita mulakan dengan status pelaksanaan bantuan di bawah Matlamat Pertama PRIHATIN iaitu "Lindungi Rakyat".
- 6. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional atau BPN.**
 - a. Antara 12 hingga 19 Jun, sebanyak **RM40 juta telah dibayar kepada 40,000 penerima BPN melalui bayaran secara tunai** di cawangan-cawangan BSN seluruh negara.
 - b. Sehingga 19 Jun, seramai **10.19 juta penerima BPN** telah menerima bantuan ini, yang membawa keseluruhan bayaran BPN ke **RM10.88 bilion, iaitu 97% tahap pelaksanaan.**
 - c. Tambahan juga, pada minggu lalu saya berkongsi bahawa 181,000 rayuan BPN yang diluluskan akan menerima bayaran bernilai RM162 juta pada akhir bulan ini. **Sukacita saya berkongsi bahawa bayaran ini akan dibuat mulai esok, 24 Jun 2020.** Saya berharap bantuan ini akan dapat meringankan beban kesemua bakal penerima BPN.
- 7. **Kedua, program i-Lestari KWSP.** Sehingga 19 Jun, sebanyak 4.3 juta permohonan telah diluluskan melibatkan **RM2 bilion** sebulan. Alhamdulillah, program i-Lestari, yang dikeluarkan daripada akaun 2, telah dapat membantu mengurangkan beban aliran tunai yang dihadapi Rakyat.

i-Lestari	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Permohonan diluluskan* (juta)
19 Jun	2.01	4.30
12 Jun	1.98	4.22
5 Jun	1.94	4.1
31 Mei	1.90	4.0
17 Mei	1.83	3.9
10 Mei	1.76	3.7
3 Mei	1.66	3.5
26 April	1.57	3.3
19 April	0.70	1.5
12 April	0.57	1.17

*Jumlah Kumulatif

8. Pada minggu lalu telah timbulnya isu **bil elektrik TNB** yang tinggi.
- Susulan maklumbalas daripada pengguna, Kerajaan telah bertindak untuk meneliti dan memahami punca masalah agar dapat diselesaikan – antara lain puncanya adalah peningkatan penggunaan elektrik dalam tempoh PKP dan kategori penggunaan oleh pengguna yang bertukar menyebabkan mereka tidak menerima diskaun yang sepatutnya di bawah PRIHATIN.
 - Alhamdulillah, YAB Perdana Menteri telah meluluskan **Bantuan PRIHATIN Elektrik Tambahan berjumlah RM942 juta**. Seperti yang telah diumumkan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar, seramai **7.66 juta pengguna elektrik akan menerima manfaat** daripada bantuan ini. Seramai **4 juta atau 52.2% pengguna dengan bil elektrik kurang RM77 atau bawah 300kWj sebulan pula akan menikmati bekalan elektrik percuma**.
 - Bantuan ini akan dibiayai bersama oleh Kumpulan Wang Industri Elektrik, TNB dan juga Kementerian Kewangan. Adalah diharap bantuan tambahan ini yang selama 3 bulan akan dapat memberi kelegaan kepada pengguna.

Di bawah Matlamat Ke-2, iaitu SOKONG PERNIAGAAN:

9. **Pertama, Geran Khas Prihatin (GKP) untuk PKS Mikro:**
- Bayaran Geran Khas Prihatin sebanyak RM3,000 setiap perniagaan mikro telah bermula sejak 15 Jun 2020, manakala bagi PKS Mikro yang **telah lulus** selepas disemak lanjut, pembayaran akan dibuat mulai 29 Jun 2020.
 - Jumlah keseluruhan GKP yang dibayar adalah bernilai lebih kurang **RM1.57 bilion**, dan ia akan **memanfaatkan sebanyak 524,446 PKS Mikro**.

Kerajaan berharap geran ini sedikit sebanyak akan dapat membantu PKS Mikro dalam menjana semula perniagaan masing-masing.

10. **Kedua, Program Subsidi Upah dan Subsidi Upah Ditambahbaik:**

- a. Sehingga 19 Jun, sebanyak **RM4.89 bilion** telah diluluskan bagi **303,596 majikan** yang memanfaatkan lebih **2.40 juta pekerja**.

Subsidi Upah Peruntukan: RM13.8 bilion	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
19 Jun	4.89	303,596	2.40
12 Jun	4.08	295,265	2.31
5 Jun	4.00	293,033	2.30
31 Mei	3.22	286,338	2.20
17 Mei	2.24	267,752	2.00
10 Mei	2.10	258,165	1.90
3 Mei	1.90	235,000	1.70
26 April	1.35	195,000	1.50
19 April	1.20	159,000	1.00

*Jumlah kumulatif

- a. Dalam kesempatan ini, saya mengingatkan sekali lagi bahawa dengan penyelarasan program Subsidi Upah di bawah PENJANA, **majikan boleh mula membuat permohonan untuk program Subsidi Upah yang telah ditambahbaik ini mulai 15 Jun (iaitu minggu lepas).**
- b. Saya juga ingin berkongsi bahawa Kerajaan menerima maklumat bahawa terdapat majikan yang tidak menyampaikan subsidi upah kepada pekerja mereka. Ini adalah pelanggaran syarat-syarat dan saya ingin mengingatkan majikan bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap majikan-majikan ini. Saya berharap bantuan rangsangan ekonomi ini tidak disalah guna, dan majikan lebih bertanggungjawab. **Jangan ambil kesempatan dan jangan menganiaya pekerja anda.**
11. **Ketiga, Program Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP:** Sehingga 19 Jun 2020, sebanyak **34,246 permohonan telah diterima** dan sebanyak **8,489 diluluskan** bernilai **RM56.8 juta** bagi caruman KWSP majikan. Ini adalah peningkatan daripada RM47.9 juta minggu lalu. Walau bagaimanapun, dengan pembukaan ekonomi secara berperingkat sejak 4 Mei 2020, jumlah ini dijangka akan berkurangan pada bulan-bulan akan datang.

Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
19 Jun	34,246	8,489	56.8
12 Jun	31,400	7,194	47.9
5 Jun	29,601	6,457	42.9
31 Mei	26,509	5,245	34.8
17 Mei	20,771	3,168	20.6
10 Mei	13,690	2,032	13.4

*Jumlah kumulatif

12. **Keempat**, mengenai **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)** yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia, sehingga 19 Jun 2020, permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah **RM8.2 bilion**, dan ini akan memanfaatkan **19,253 PKS**. Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility, Automation & Digitalisation Facility, All-Economic Sector Facility* dan *Agrofood Facility*.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
19 Jun	8.2	19,253
12 Jun	7.8	18,449
5 Jun	7.5	18,227
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

*Jumlah kumulatif

13. **Kelima**, bagi **Skim Kredit Mikro BSN** dan **TEKUN Nasional** pula, sehingga 19 Jun 2020:
- Di bawah Skim Kredit Mikro BSN, sebanyak **6,742** permohonan daripada peniaga mikro telah diluluskan, bernilai **RM236.4 juta**.
 - Bagi program TEKUN, jumlah permohonan yang diluluskan ialah **22,843**, bernilai **RM174.63 juta**.

Skim Kredit Mikro Peruntukan: RM700 juta	Kredit Mikro BSN		Tekun	
	<i>Jumlah* PKS yang lulus</i>	<i>Nilai* (RM juta)</i>	<i>Jumlah* PKS yang lulus</i>	<i>Nilai* (RM juta)</i>
19 Jun	6,742	236.4	22,843	174.63
12 Jun	6,074	216.7	21,674	166.14
5 Jun	5,222	191	19,382	151
31 Mei	4,587	175	15,949	128
17 Mei	3,537	145	12,104	101
10 Mei	2,626	114	8,562	72
3 Mei	2,026	90	4,981	42
26 April	1,703	76	1,769	15

**Jumlah Kumulatif*

Di bawah Matlamat Ketiga iaitu PERKUKUH EKONOMI:

14. Bagi **Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan**, sejak berkuatkuasa pada 1 April 2020 yang lalu, setakat 19 Jun 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah **RM43.7 bilion**. Dari angka ini, sebanyak **RM15.3 bilion** adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh Rakyat bernilai **RM28.4 bilion** melalui pinjaman yang layak mendapat moratorium dari institusi kewangan.
15. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **mengingatkan peminjam bahawa tempoh moratorium ini akan berakhir pada 30 September 2020**. Bagi mereka yang mungkin memerlukan kemudahan penyusunan dan penjadualan semula selepas 30 September, **peminjam dinasihatkan untuk berbincang dengan institusi kewangan masing-masing**. Demi kelangsungan aliran tunai anda, kalau boleh **janganlah tunggu sehingga saat-saat akhir untuk berbincang dengan institusi kewangan anda**.
16. Saya juga ingin berkongsi data terkini mengenai **Projek Kecil**, di mana RM4 bilion diperuntukkan di bawah Pakej PRIHATIN. Setakat 19 Jun, sebanyak **RM3.76 bilion** telah pun **diagihkan kepada pelbagai Kementerian dan agensi yang berkaitan**, khas untuk projek-projek yang akan dilaksanakan oleh kontraktor G1-G2.

PENJANA – Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

Saudara dan saudari yang dihormati,

17. Bagi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, beberapa inisiatif telah bermula bulan Jun ini dan beberapa lagi masih di peringkat awal pelaksanaan. Antaranya:
 - a. Program **subsidi upah ditambahbaik** dengan peruntukan RM5.3 bilion;
 - b. Inisiatif **internet percuma 1 gigabyte** berjumlah RM3 bilion bagi menggalakkan aktiviti pendidikan dan produktiviti;
 - c. Inisiatif **pas pengangkutan My30** dengan peruntukan RM200 juta; dan
 - d. **Sokongan bagi sektor pertanian dan pemakanan** bernilai RM400 juta untuk pelbagai inisiatif seperti pembiayaan, peningkatan mobiliti pekerja dan usaha-usaha pertanian bandar atau *urban farming*.
18. Pada masa yang sama, pasukan LAKSANA bersama dengan Kementerian-kementerian dan agensi-agensinya sedang giat memastikan soalan lazim, cara permohonan, dan kelayakan inisiatif dikomunikasi dengan baik agar penerima dapat mengakses bantuan tersebut.
19. InsyaAllah, status pencapaian akan mula dikongsi setelah usaha pelaksanaan bermula secara berperingkat dalam masa terdekat.

Akhir sekali, saya ingin membuat sedikit ulasan mengenai keadaan EKONOMI SEMASA:

20. Kadar pengangguran Malaysia meningkat kepada 5% pada bulan April. Ini disebabkan oleh penutupan pelbagai sektor ekonomi semasa PKP dan PKPB untuk membendung wabak COVID-19 dalam bulan Mac dan April. Sebagai perbandingan, kadar pengangguran terkini di Filipina adalah 17.7%, India 23.5%; USA 13.3%; China 5.9%. Pelbagai negara di Eropah juga mengalami kadar pengangguran dua angka.
21. Walaupun kadar pengangguran Malaysia dijangka meningkat dalam beberapa bulan yang akan datang, langkah-langkah di bawah Pakej Prihatin dan Penjana disasarkan dapat membendung kadar pengangguran. Malahan, melalui program subsidi upah, setakat ini 2.4 juta pekerjaan telah diselamatkan.
22. Dengan program Subsidi Upah yang diperluaskan di bawah PENJANA, mulai 15 Jun, majikan boleh memohon subsidi upah untuk pekerja mereka yang diberi cuti tanpa gaji. Dengan usaha ini, diganding dengan pembukaan hampir kesemua

sektor ekonomi, Kerajaan mensasarkan kadar yang bertambah baik terutamanya pada suku ketiga dan keempat tahun ini, InsyaAllah.

23. Seajar dengan itu, pelbagai program program peningkatan kemahiran (*upskilling*) melalui PENJANA juga bertujuan untuk memelihara kapasiti tenaga kerja kita, agar sektor perniagaan boleh berkembang semula dengan kadar segera apabila ekonomi kembali pulih. **Di bawah PENJANA, RM2 bilion telah diperuntukkan untuk melaksanakan program peningkatan kemahirann bagi para belia dan penganggur, dan keutamaan akan diberikan kepada sektor elektrik dan elektronik serta teknologi maklumat dan komunikasi.** Inisiatif ini diharapkan dapat memanfaatkan lebih daripada **200,000 individu.**
24. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai **tahap defisit belanjawan dan hutang negara.** Penganalisis, agensi panarafan dan pelabur memahami bahawa Malaysia, seperti negara-negara lain, akan mencatatkan defisit yang lebih tinggi berikutan pelbagai langkah rangsangan ekonomi. Ya, **defisit belanjawan Malaysia diunjurkan meningkat kepada 5.8 - 6%, dan tahap hutang kita – pada masa ini pada tahap 52% - mungkin akan mencecah had berkanun 55% pada akhir tahun ini.** Ini adalah **berikutan pelaksanaan langkah-langkah PRIHATIN dan PENJANA** untuk menyelamatkan nyawa dan penghidupan, dan merangsang ekonomi.
25. Memandang ke hadapan, **apa yang lebih penting adalah apa yang kita lakukan untuk memperbaiki keadaan ini.** Kerajaan komited terhadap **disiplin fiskal untuk mengembalikan defisit fiskal di bawah 4.0% dalam tempoh 3 hingga 4 tahun akan datang.**
26. Bagi tahap hutang pula, saya pernah menyebut beberapa kali bahawa **antara 97% hingga 98% hutang kita adalah hutang dalam negeri,** dan ini penting kerana ini bermakna **pendedahan kita terhadap risiko turun naik matawang asing adalah amat terhad.** Dalam hal ini, Kerajaan amat komited dalam memastikan disiplin fiskal diteruskan.
27. Secara keseluruhannya, dari segi peruntukan untuk PRIHATIN dan PENJANA, saya ingin mengucapkan **terima kasih kepada pelbagai sektor swasta dan agensi kerajaan yang telah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada langkah pemulihan ekonomi Malaysia untuk melindungi Rakyat, mendorong perniagaan dan menyokong ekonomi.** Tanpa sokongan padu dari pihak yang berkaitan di dalam ekosistem kewangan dan ekonomi kita, tidak mungkin kita akan dapat membuahkan pakej PRIHATIN dan PENJANA dengan nilai keseluruhan RM295 bilion untuk sama-sama menyelamatkan dan memulihkan ekonomi negara demi Rakyat.

PENUTUP

28. Sebelum berakhir, saya ingin mengulas nasihat dan saranan daripada YAB Perdana Menteri ketika lawatan beliau ke Laksana minggu lalu. YAB Perdana Menteri telah menyebut bahawa pelaksanaan PRIHATN dan PENJANA perlu **merangkumi impak kepada masyarakat dan bukan angka pembayaran dan penerima semata-mata**. Beliau menekankan bahawa **bantuan perlu menyentuh Rakyat, pekerja dan perniagaan**, dan tidak bersifat *superficial*. Sehubungan itu, pasukan Laksana akan meningkatkan lagi usaha *turun padang* dan membuat kajian bagi mendapat maklum balas daripada orang ramai mengenai impak Pakej PRIHATIN dan PENJANA.

29. Beberapa minggu lalu, saya telah menerima surat daripada seorang Cikgu yang berasal dari Sri Aman, Sarawak. Beliau menghantar sekeping kad dan telah berkongsi 2 rangkap pantun untuk saya. Salah satu rangkapnya adalah seperti berikut:

*Lincak langkah si burung kedidi
Bila senja pulang ke sarang
Hidup kita biar berbudi
Ke mana pergi dikenang orang*

30. Sebelum mengakhiri Laporan Laksana Ke-10 ini, izinkan saya membalas pantun beliau:

*Terbang tinggi si burung kedidi
Singgah sebentar di atas peti
Apabila tiba peluang berbudi
Bantulah negara seikhlas hati*

31. Sehingga kita berjumpa lagi pada minggu depan, InsyaAllah. Terima kasih.